PELAN TINDAKAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL 2015 - 2020

KPWKM
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PELAN TINDAKAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL

2015 – 2020

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Pengenalan	4
Definisi	5
Matlamat	5
Objektif	5
Strategi	6
Pelaksanaan	8
Penutup	8
Teras Strategik 1 : Memperkasa Ekonomi Ibu Tunggal	9
Teras Strategik 2 : Meningkatkan Kesejahteraan Sosial Ibu Tunggal	17
Teras Strategik 3 : Penyelidikan dan Penyelarasan	25
Senarai Singkatan	31

PENGENALAN

Dasar Keluarga Negara mentafsirkan keluarga sebagai sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang.

Kewujudan wanita sebagai ibu dan ketua keluarga tanpa kehadiran lelaki bergelar suami, memerlukan Kerajaan untuk memastikan golongan wanita ini diperkasa ke arah membina masyarakat yang lebih progresif dan inklusif. Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) telah menggariskan bahawa program utama untuk memastikan potensi wanita direalisasikan sepenuhnya dalam bidang ekonomi dan sosial negara secara lebih berkesan. Antara program utama yang diberi tumpuan ialah menambah baik penyediaan sokongan kepada golongan wanita yang menghadapi kesukaran seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah. Aspirasi ini juga diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) melalui salah satu teras strateginya iaitu memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka satu Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang komprehensif yang merangkumi aspek pemerkasaan dari segi ekonomi, sosial serta aspek penyelidikan dan penyelarasan. Pelan Tindakan tersebut telah mengambil kira pandangan dan maklum balas semua pihak yang berkepentingan, melalui beberapa siri sesi konsultasi dan bengkel yang melibatkan ibu-ibu tunggal, wakil agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi dan sektor swasta.

Pelan tindakan ini adalah selaras dengan falsafah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang menekankan prinsip memperkasa wanita demi pembangunan sosial ekonomi mereka.

DEFINISI

Mulai Banci Penduduk dan Perumahan 2010, KPWKM mengambil kira ibu tunggal berdasarkan kriteria / parameter / definisi berikut:

- perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai / berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama;
- perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah tetapi mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; atau
- perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf).

MATLAMAT

Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal amat diperlukan sebagai panduan dan rujukan semua pihak yang berkepentingan dalam urusan pembangunan negara supaya mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal. Pelan Tindakan ini melibatkan kerjasama dan komitmen agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan sektor swasta dalam memastikan kesejahteraan ibu tunggal diberi perhatian sewajarnya di setiap peringkat kitaran hidup mereka selaras dengan arus pembangunan negara.

OBJEKTIF

Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal menetapkan 3 objektif utama seperti berikut :

- meningkatkan kesedaran dan komitmen pihak berkepentingan bagi memperkasakan ekonomi ibu tunggal;
- meningkatkan kesejahteraan sosial ibu tunggal; dan
- meningkatkan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan bagi golongan ibu tunggal.

STRATEGI

Bagi mencapai objektif-objektif di atas, 19 langkah strategik dirangka berasaskan 3 teras strategik iaitu memperkasa ekonomi ibu tunggal, meningkatkan kesejahteraan sosial ibu tunggal dan meningkatkan pelaksanaan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan ibu tunggal.

1. Teras Strategik 1: Memperkasa Ekonomi Ibu Tunggal

Di bawah teras strategik ini, langkah-langkah telah digariskan untuk:

- meningkatkan keupayaan ibu tunggal bekerja sepenuh masa;
- meningkatkan penyertaan ibu tunggal sama ada yang sedang bekerja atau tidak bekerja dalam pekerjaan separa masa (dengan majikan), pekerjaan fleksibel (dengan majikan) atau pekerjaan yang boleh dilaksanakan dari rumah;
- meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ibu tunggal untuk menceburi bidang keusahawanan;
- membantu ibu tunggal yang mempunyai kemahiran / pengalaman mendapat bantuan kewangan untuk membina atau mengembangkan perniagaan;
- membantu ibu tunggal yang mempunyai perniagaan memasarkan produk serta perkhidmatan; dan
- menyebar luas insentif pemerkasaan ekonomi yang disediakan kepada ibu tunggal.

2. Teras Strategik 2: Meningkatkan Kesejahteraan Sosial Ibu Tunggal

Di bawah teras strategik ini, langkah-langkah telah digariskan untuk:

- mewujudkan kesedaran ibu tunggal mengenai hak-hak mereka di sisi undang-undang;
- meningkatkan perkhidmatan dan skop bantuan guaman yang disediakan oleh sektor awam dan swasta bagi ibu tunggal;
- meningkatkan taraf pendidikan ibu tunggal;
- meningkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan ibu tunggal melalui pewujudan koperasi;
- meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu tunggal dan ahli keluarga mereka tentang kepentingan penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan perawatan diri;
- meningkatkan perkhidmatan sokongan bagi ibu tunggal dan anak-anak mereka yang menghidapi penyakit; dan

- meningkatkan pengetahuan ibu tunggal dalam bidang keibubapaan dan menghadapi tanggungjawab sebagai ibu secara bersendirian.

3. Teras Strategik 3: Penyelidikan dan Penyelarasan

Di bawah teras strategik ini, langkah-langkah telah digariskan untuk:

- meningkatkan penyelidikan dan pembangunan mengenai ibu tunggal;
- mewujudkan pangkalan data ibu tunggal yang komprehensif;
- meningkatkan kapasiti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) / organisasi / individu yang memastikan nasib ibu tunggal terpelihara;
- menyelaras bantuan kepada ibu tunggal; dan
- mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal.

PELAKSANAAN

Pelan Tindakan ini akan dilaksanakan dalam tempoh 2015 hingga 2020 yang akan melibatkan program / aktiviti jangka sederhana dan jangka panjang bagi menjayakan strategi-strategi yang telah dirangka.

PENUTUP

Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal ini memberi panduan kepada semua pihak yang berkepentingan untuk merancang, melaksana, memantau dan menilai pelbagai inisiatif serta program dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal. Pelan ini adalah selaras dengan pendekatan Kerajaan yang menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan. Justeru Pelan Tindakan yang bersifat *explicit* ini mampu menggerakkan dan mengintegrasikan penglibatan pelbagai pihak seperti agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan sektor swasta dengan lebih berkesan.

TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASA EKONOMI IBU TUNGGAL

LANGKAH STRATEGIK 1

Meningkatkan keupayaan ibu tunggal bekerja sepenuh masa.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Memberi pendedahan dan bimbingan kepada ibu tunggal bekerja sepenuh masa. (Sekurang-kurangnya 2 sesi pendedahan / bimbingan setahun)	Bilangan ibu tunggal yang berupaya bekerja sepenuh masa.	Semua ibu tunggal yang diberi pendedahan dan bimbingan berjaya bekerja sepenuh masa.	2015 - 2016	• JPW • KSM
2. Melibatkan pihak industri menyediakan program *attachment* atau perantis berbayar untuk ibu tunggal sebagai *Corporate Social Responsibilty.*	Bilangan syarikat yang menyediakan program *attachment* atau perantis berbayar untuk ibu tunggal.	Sekurang-kurangnya 1 syarikat menyediakan program *attachment* atau perantis berbayar setahun bagi setiap negeri.	2015 - 2020	• KSM • JPW • JKM • Jobs Malaysia
3. Mengadakan program *job matching* antara pencari pekerjaan dalam kalangan ibu tunggal dan majikan. (Sekurang-kurangnya 2 program setahun)	Bilangan ibu tunggal yang menyertai program *job matching* yang diadakan dan berjaya mendapat pekerjaan sepenuh masa.	Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada ibu tunggal yang menyertai program berjaya mendapat pekerjaan sepenuh masa.	2015 - 2017	• JPW • KSM • Jobs Malaysia
4. Menyediakan akses kepada TASKA atau perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang sesuai kepada ibu tunggal.	Bilangan ibu tunggal yang mendapat akses kepada TASKA atau perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang sesuai.	Semua ibu tunggal yang memohon bantuan untuk mendapatkan TASKA atau perkhidmatan penjagaan kanak-kanak.	2015 - 2018	• JKM
5. Memperkasa komuniti bagi mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak seperti mewujudkan program pusat jagaan kanak-kanak di bawah PERWANI atau Rukun Tetangga.	Bilangan pusat jagaan kanak-kanak di bawah PERWANI atau Rukun Tetangga.	Sekurang-kurangnya 1 pusat jagaan kanak-kanak di bawah PERWANI atau Rukun Tetangga setiap tahun.	2015 - 2018	• JKM • JPW

LANGKAH STRATEGIK 2

Meningkatkan penyertaan ibu tunggal sama ada yang sedang bekerja atau tidak bekerja dalam pekerjaan separa masa (dengan majikan), pekerjaan fleksibel (dengan majikan) atau pekerjaan yang boleh dilakukan dari rumah.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Menyediakan latihan kemahiran yang bersesuaian bagi membolehkan ibu tunggal mendapat pekerjaan separa masa atau pekerjaan fleksibel. (Sekurang-kurangnya 2 latihan setahun bagi setiap negeri)	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mendapat pekerjaan separa masa atau pekerjaan fleksibel.	Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada ibu tunggal yang menyertai program berjaya mendapat pekerjaan separa masa atau kerja fleksibel.	2015 - 2018	• JPW • KSM • KKLW (MARA)
2. Mengadakan program kesedaran kepada sektor swasta untuk menyediakan kemudahan bekerja separa masa atau aturan kerja anjal kepada ibu tunggal.	Bilangan syarikat yang mewujudkan peluang pekerjaan separa masa atau aturan kerja anjal untuk ibu tunggal.	Sekurang-kurangnya satu syarikat setiap tahun bagi setiap negeri.	2015 - 2018	• JPW • KSM • ICU, JPM • Jobs Malaysia
3. Mengadakan program *job matching* antara pencari pekerjaan daripada kalangan ibu tunggal dan majikan yang menawarkan pekerjaan separa masa atau aturan kerja anjal. (Sekurang-kurangnya 2 program setahun)	Bilangan ibu tunggal yang menyertai program *job matching* yang diadakan dan berjaya mendapat pekerjaan separa masa atau aturan kerja anjal.	Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada ibu tunggal yang menyertai program berjaya mendapat pekerjaan separa masa.	2015 - 2018	• JPW • KSM • ICU, JPM • Jobs Malaysia
4. Melatih ibu tunggal yang merupakan suri rumah berpelajaran dengan kemahiran khusus melalui Program *Housewives Enhancement and Reactivate Talent* (HEARTS).	Bilangan ibu tunggal yang dibimbing dan berjaya mengikuti program HEARTS.	Semua ibu tunggal yang dibimbing berjaya mengikuti program HEARTS.	2015 - 2018	• JPW • KSM

LANGKAH STRATEGIK 3

Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ibu tunggal untuk menceburi bidang keusahawanan.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. **Perniagaan Dari Rumah** Menyediakan latihan kemahiran yang bersesuaian bagi penjanaan ekonomi keluarga melalui perniagaan dari rumah. (Sekurang-kurangnya 5 latihan setahun bagi setiap negeri)	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mengikuti latihan kemahiran.	Sekurang-kurangnya 70 peratus daripada ibu tunggal yang mengikuti latihan kemahiran berjaya menamatkan latihan.	2015 - 2020	• JPW • SKMM
2. **Francais Mikro** Memberi latihan awal dan berterusan serta pementoran kepada ibu tunggal untuk menjadi *micro franchisee.*	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mengikuti latihan dan program pementoran.	Sekurang-kurangnya 70 peratus daripada peserta ibu tunggal berjaya menamatkan latihan dan program pementoran.	2015 - 2018	• JPW • KPDNKK
3. ***Early Childhood Care and Education* (ECCE)** Menyediakan latihan kemahiran dalam bidang pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak kepada ibu tunggal.	Bilangan ibu tunggal yang mengikuti latihan kemahiran dalam ECCE.	Sekurang-kurangnya 70 peratus daripada ibu tunggal yang mengikuti latihan kemahiran kerjaya menamatkan latihan.	2015 - 2020	• JPW • JKM
4. ***MamaCare*** Mengenal pasti ibu tunggal yang berpotensi dalam bidang penjagaan *postnatal* untuk menyertai kursus *MamaCare.*	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mengikuti seluruh kursus MamaCare.	Semua peserta ibu tunggal berjaya menamatkan kursus.	2015 - 2017	• LPPKN

LANGKAH STRATEGIK 4

Membantu ibu tunggal yang mempunyai kemahiran / pengalaman mendapat bantuan kewangan untuk membina perniagaan atau mengembangkan perniagaan.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Membimbing ibu tunggal untuk mendapat bantuan geran pelancaran di bawah JKM kepada ibu tunggal yang berjaya mengikuti latihan kemahiran.	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mendapat geran pelancaran.	Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada ibu tunggal yang dibimbing membuat permohonan berjaya mendapat geran pelancaran.	2015 - 2018	• JPW • JKM
2. Membimbing ibu tunggal untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi perniagaan francais mikro.	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mendapat bantuan kewangan bagi perniagaan francais mikro.	Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada ibu tunggal yang dibimbing membuat permohonan berjaya mendapat bantuan kewangan.	2015 - 2018	• JPW • JKM • KPDNKK
3. Meneruskan pemberian geran pelancaran / permulaan untuk TASKA dan TADIKA yang boleh dimanfaatkan oleh ibu tunggal yang mempunyai kemahiran dalam ECCE.	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mendapat geran pelancaran / permulaan TASKA / TADIKA.	Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada ibu tunggal yang dibimbing membuat permohonan mendapat geran pelancaran.	2015 - 2018	• JPW • JKM • KPM

4.	Meneruskan inisiatif pemberian geran dan latihan bagi membantu usahawan mikro terutamanya wanita untuk melonjakkan perniagaan atas talian.	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mendapat geran dan latihan bagi perniagaan atas talian.	Sekurang-kurangnya 70 peratus daripada ibu tunggal yang dibimbing membuat permohonan mendapat geran pelancaran dan latihan.	2015 - 2020	• JPW • SKMM
5.	Membimbing ibu tunggal untuk mendapatkan pinjaman di bawah AIM atau agensi-agensi lain yang memberi pinjaman kredit mikro.	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mendapat pinjaman mikro kredit.	Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada ibu tunggal yang dibimbing membuat permohonan berjaya mendapat pinjaman mikro kredit.	2015 - 2016	• JPW • AIM • Agensi-agensi lain yang memberi pinjaman mikro kredit
6.	Menambah baik pakej pemerkasaan dan latihan kemahiran ibu tunggal (seperti I-Kit) agar lebih menyeluruh dan komprehensif dengan memasukkan elemen kaunseling dan pengurusan emosi serta menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak bagi memudahkan ibu tunggal menyertai latihan berkenaan.	Modul pemerkasaan dan latihan kemahiran yang ditambah baik. Bilangan penglibatan ibu tunggal.	Sekurang-kurangnya 1 penambahbaikan modul setiap 3 tahun. Peningkatan penyertaan ibu tunggal sebanyak 5% setahun.	2015 - 2016	• JPW

LANGKAH STRATEGIK 5

Membantu ibu tunggal yang mempunyai perniagaan memasarkan produk serta perkhidmatan.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Mewujudkan sebuah pusat sehenti bagi memasarkan produk ibu tunggal dan satu kumpulan tetap usahawan ibu tunggal (*anchors*) yang akan memasarkan produk dan perkhidmatan.	Bilangan pusat sehenti dan kumpulan tetap usahawan ibu tunggal diwujudkan.	1 pusat sehenti dan satu kumpulan tetap bagi setiap negeri.	2015 - 2017	• JPW • UPEN
2. Memberi bimbingan kepada ibu tunggal untuk menyertai program seperti *Women Exporters' Development Programme* oleh MATRADE iaitu sebuah program yang membantu usahawan wanita untuk mengembangkan perniagaan mereka ke pasaran antarabangsa.	Bilangan yang dibimbing untuk menyertai program berjaya menyertai program.	Semua ibu tunggal yang dibimbing berjaya menyertai program.	2015 - 2020	• MATRADE
3. Mengadakan sesi *buyers meet sellers* atau membantu ibu tunggal menghadiri mana-mana sesi *buyers meet sellers* untuk menjalinkan ibu tunggal yang mempunyai perniagaan dengan pembeli.	Bilangan ibu tunggal yang berjaya mendapatkan *potential buyers* daripada sesi *buyer meet sellers.*	70 peratus daripada ibu tunggal yang dibantu berjaya mendapat *potential buyers.*	2015 - 2020	• JPW • UPEN • SMECORP • MATRADE

LANGKAH STRATEGIK 6

Menyebar luas insentif pemerkasaan ekonomi yang disediakan kepada ibu tunggal.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Meningkatkan usaha mempromosi insentif pemerkasaan ekonomi kepada ibu tunggal dan kisah kejayaan melalui media sosial, penulisan artikel di media cetak, temu ramah radio dan televisyen.	Bilangan program promosi.	12 program promosi setiap tahun.	2015 - 2018	• JPW
2. Melibatkan syarikat-syarikat GLC dan PLC dalam usaha ke arah mewujudkan kesedaran berkaitan program-program pemerkasaan ekonomi yang disediakan kepada pelanggan-pelanggan mereka daripada kalangan ibu tunggal.	Bilangan syarikat-syarikat GLC dan PLC yang terlibat.	Sekurang-kurangnya 50 syarikat setahun.	2015 - 2018	• JKM • JPW

TERAS STRATEGIK 2: MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN SOSIAL IBU TUNGGAL

LANGKAH STRATEGIK 1

Mewujudkan kesedaran ibu tunggal mengenai hak-hak mereka di sisi undang-undang.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Mengadakan kursus, bengkel dan ceramah kepada ibu tunggal mengenai hak mereka di sisi undang-undang daripada aspek pekerjaan, perkahwinan dan perceraian.	Bilangan kursus / bengkel / ceramah dan penyertaan ibu tunggal berkaitan hak wanita di sisi undang-undang.	Sekurang-kurangnya 6 kursus / bengkel / ceramah setahun.	2015 - 2017	• JPW • JKM • KSM • JAKIM • JKSM
2. Menyebar luas maklumat mengenai hak-hak ibu tunggal di sisi undang-undang daripada aspek pekerjaan, perkahwinan dan perceraian melalu media massa, cetak dan elektronik.	Bilangan penyebaran maklumat melalui media massa, cetak dan elektronik.	Sekurang-kurangnya 2 sebaran maklumat melalui media setiap bulan.	2015 - 2017	• KPWKM • JPW • KSM • JAKIM • JKSM

LANGKAH STRATEGIK 2

Meningkatkan perkhidmatan dan skop bantuan guaman yang disediakan oleh sektor awam dan swasta bagi ibu tunggal.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Meningkatkan kepekaan pemberi perkhidmatan terhadap keperluan ibu tunggal menerusi seminar / latihan / kursus / taklimat / sesi perbincangan.	Bilangan seminar / latihan / kursus / taklimat / sesi perbincangan kepada pemberi perkhidmatan.	Sekurang-kurangnya 2 seminar / latihan / kursus / taklimat / sesi perbincangan setiap tahun.	2015 - 2018	• KPWKM • JPW
2. Meningkatkan penyebaran maklumat kepada ibu tunggal berkaitan perkhidmatan bantuan guaman.	Penyebaran maklumat berkaitan bantuan guaman.	Sekurang-kurangnya 2 sebaran maklumat setiap tahun.	2015 - 2018	• JPW • JPM • JBG
3. Mengumpul dan menganalisis data-data kes yang dikendalikan oleh pemberi khidmat bantuan guaman yang melibatkan ibu tunggal dan mengenal pasti amalan terbaik untuk menambah baik perkhidmatan.	Bilangan data-data kes yang dianalisis.	Sekurang-kurangnya 50 kes setiap tahun.	2015 - 2018	• JPW • JPM • JBG
4. Mengeratkan kerjasama pintar di antara pihak kerajaan dan organisasi pemberi khidmat bantuan guaman dalam memastikan bantuan guaman yang bersesuaian disalurkan kepada ibu tunggal.	Bilangan kerjasama dengan pemberi khidmat bantuan guaman.	Sekurang-kurangnya 1 kerjasama pintar setiap tahun.	2015 - 2018	• KPWKM • JPW • JBG • JKSM
5. Menyediakan perkhidmatan bantuan guaman di tempat yang mudah diakses seperti mengadakan *mobile clinic.*	Liputan perkhidmatan bantuan guaman kepada ibu tunggal lebih meluas.	Sekurang-kurangnya 2 perkhidmatan *mobile clinic* setiap tahun.	2015 - 2018	• KPWKM • JPW

LANGKAH STRATEGIK 3

Meningkatkan taraf pendidikan ibu tunggal.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Memberi bantuan kepada ibu tunggal yang pernah menunjukkan kecemerlangan akademik tetapi tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi, meneruskan pembelajaran di institut pengajian yang bersesuaian dan mendapat pembiayaan pelajaran yang wajar.	Bilangan ibu tunggal yang dibantu.	3 ibu tunggal setiap tahun.	2015 - 2020	• KPWKM • KPM • JPW
2. Meningkatkan aktiviti kesedaran dan galakan kepada ibu tunggal untuk meningkatkan taraf pendidikan dengan melibatkan media massa serta badan-badan sukarela.	Bilangan aktiviti kesedaran.	Sekurang-kurangnya 2 aktiviti setiap tahun.	2015 - 2020	• KPWKM • KPM • JPW

LANGKAH STRATEGIK 4

Meningkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan ibu tunggal melalui pewujudan koperasi.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Mewujudkan koperasi ibu tunggal bagi mengurus kepentingan ekonomi anggota dengan cekap, berkesan dan berwawasan mengikut undang–undang dan peraturan.	Bilangan koperasi yang diwujudkan.	2 koperasi di setiap negeri.	2015 - 2018	• KPWKM • JPW • KPDNKK

LANGKAH STRATEGIK 5

Meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu tunggal dan ahli keluarga mereka tentang kepentingan penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan perawatan diri.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Mempromosikan penjagaan kesihatan sepanjang hayat (*life long health*) termasuk penekanan dari aspek pemakanan berkhasiat dan seimbang, senaman dan cara hidup aktif dan kesihatan mental yang baik bagi menangani stres dalam kehidupan seharian.	Bilangan ibu tunggal yang menjalani pemeriksaan kesihatan.	Peningkatan 2% bilangan ibu tunggal yang menjalani saringan kesihatan setiap tahun.	2015 - 2020	• KPWKM • KKM • LPPKN • NGO • Media massa
2. Membuat penilaian keberkesanan ke atas program promosi penjagaan kesihatan yang dijalankan.	Penambahbaikan dalam program-program kesejahteraan kesihatan kepada ibu tunggal. Penambahbaikan dalam program-program kesejahteraan kesihatan kepada ibu tunggal.	Sekurang-kurangnya 1 kertas cadangan setiap 2 tahun.	2015 - 2020	• LPPKN

LANGKAH STRATEGIK 6

Meningkatkan perkhidmatan sokongan bagi ibu tunggal dan anak-anak mereka yang menghidapi penyakit.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Melibatkan sektor korporat dalam memberi perkhidmatan sokongan kepada ibu tunggal dan anak-anak mereka yang menghidapi penyakit kronik melalui *Corporate Social Responsibility.*	Bilangan syarikat yang memberi perkhidmatan sokongan.	Sekurang-kurangnya 3 syarikat setahun.	2015-2020	• KPWKM • KKM • LPPKN

LANGKAH STRATEGIK 7

Meningkatkan pengetahuan ibu tunggal dalam bidang keibubapaan dan menghadapi tanggungjawab sebagai ibu secara bersendirian.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Memperkasa program kekeluargaan seperti *SmartStart* dengan memberi tumpuan terhadap kemahiran khusus kepada ibu tunggal bagi menghadapi tanggungjawab sebagai ibu secara bersendirian.	Bilangan pelaksanaan program.	Sekurang-kurangnya 6 program setiap tahun.	2015-2020	• LPPKN

TERAS STRATEGIK 3:
PENYELIDIKAN DAN PENYELARASAN

LANGKAH STRATEGIK 1

Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan mengenai ibu tunggal.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Membuat kajian berkaitan bidang kemahiran yang bersesuaian bagi ibu tunggal (*training needs analysis*) termasuk: a. ibu tunggal yang berminat dengan pekerjaan separa masa; b. ibu tunggal yang berminat dengan pekerjaan sebagai pengasuh berdaftar / taska di rumah; dan c. ibu tunggal yang berminat dengan pekerjaan dari rumah.	Latihan dalam bidang-bidang kemahiran yang bersesuaian dengan ibu tunggal diwujudkan serta data ibu tunggal yang berminat untuk bekerja separa masa, bekerja sebagai pengasuh berdaftar / taska di rumah dan yang berminat untuk bekerja dari rumah	Sekurang-kurangnya 1 kajian setiap 2 tahun.	2015 - 2020	• KPWKM • JPW • ISM • JTK • JKM
2. Membuat kajian berkaitan kesejahteraan ibu tunggal bagi meneliti pengalaman dan kesejahteraan fizikal, psikologi dan emosi serta cabaran dan *coping mechanism* dan bentuk-bentuk sokongan dalam kehidupan ibu tunggal.	Bilangan kajian yang dijalankan.	Sekurang-kurangnya 1 kajian setiap 3 tahun.	2015 - 2020	• JPW • Ahli akademik
3. Membuat kajian kebajikan ibu tunggal yang berstatus "gantung tidak bertali" seperti tiada dokumen perceraian, suami lari atau hilang.	Bilangan kajian yang dijalankan.	Sekurang-kurangnya 1 kajian.	2015 - 2020	• JPW • Ahli akademik

LANGKAH STRATEGIK 2

Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan mengenai ibu tunggal.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Mengumpul maklumat melalui kerjasama beberapa jabatan kerajaan, pemimpin setempat (JKKK), NGO dan data daripada pangkalan data e-Kasih.	Pangkalan data yang mengandungi maklumat ibu tunggal yang komprehensif dan terkini.	Mewujudkan satu pangkalan data yang komprehensif.	2015 - 2020	• KPWKM • JPW • ICU JPM • KPKT • JPN • JKSM
2. Meningkatkan penggunaan sistem pendaftaran ibu tunggal secara *online* yang boleh dicapai melalui Portal Wanita.	Pengumpulan data ibu tunggal yang lebih menyeluruh, pantas dan terkini.	Peningkatan 20% pendaftaran ibu tunggal melalui sistem *online.*	2015 - 2020	• KPWKM • JPW
3. Mengadakan kempen kesedaran berkaitan kewujudan sistem pendaftaran ibu tunggal secara *online.*	Bilangan kempen kesedaran pendaftaran ibu tunggal secara *online.*	Sekurang-kurangnya 2 kempen setiap tahun.	2015 - 2020	• KPWKM • JPW • NGO • Media massa

LANGKAH STRATEGIK 3

Meningkatkan kapasiti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) / organisasi individu yang memastikan nasib ibu tunggal terpelihara.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Mewujudkan persatuan-persatuan ibu tunggal di pelbagai peringkat.	Bilangan persatuan ibu tunggal.	Sekurang-kurangnya 1 persatuan di setiap daerah.	2015 - 2020	• KPWKM • JPW • NGO
2. Mengadakan komunikasi berterusan di antara kerajaan dan persatuan.	Perjumpaan di antara kerajaan dan persatuan bagi membincangkan isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh ibu tunggal.	Sekurang-kurangnya 2 perjumpaan setiap tahun.	2015 - 2020	• KPWKM • JPW • NGO
3. Menyelaraskan pangkalan data persatuan-persatuan ibu tunggal.	Bilangan persatuan ibu tunggal berdaftar.	Mewujudkan 1 pangkalan data persatuan ibu tunggal.	2015 - 2020	• KPWKM • JPW • ROS

LANGKAH STRATEGIK 4

Menyelaras bantuan kepada ibu tunggal.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Mengadakan penyelarasan di peringkat agensi kerajaan supaya pemberian bantuan yang bersesuaian dan tepat.	Laporan bantuan yang diberikan oleh kerajaan bagi tujuan penyelarasan.	Laporan bantuan yang diberikan oleh kerajaan disediakan setiap tahun.	2015 - 2017	• KPWKM • JPW • JKM
2. Menyelaraskan bantuan oleh NGO bagi pemberian bantuan yang lebih cekap dan teratur serta tiada pertindihan.	NGO yang memberikan bantuan kepada ibu tunggal.	Senarai NGO yang memberikan bantuan kepada ibu tunggal dikemas kini setiap tahun.	2015 - 2017	• KPWKM • JPW • JKM • SDO

LANGKAH STRATEGIK 5

Mewujudkan Jawatankuasa Pemantau Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI			KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH	
1. Melibatkan kementerian / jabatan / organisasi yang berkaitan sebagai ahli Jawatankuasa Pemantau Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal.	Bilangan mesyuarat pemantauan yang dijalankan.	2 mesyuarat pemantauan setiap tahun.	2015 - 2020	• KPWKM • JPW



SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ICU JPM	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
ISM	Institut Sosial Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JBG	Jabatan Bantuan Guaman
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JOBS MALAYSIA	JobsMalaysia, Kementerian Sumber Manusia
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDNKK	Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSM	Kementerian Sumber Manusia
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MATRADE	Malaysia External Trade Development Corporation
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
ROS	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
SDO	State Development Office (Pejabat Pembangunan Negeri)
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SMECORP	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri

No.55, Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya, MALAYSIA.
T: 03 8323 1000 F: 03 8323 2000
W: www.kpwkm.gov.my

www.facebook.com/kpwkm www.twitter.com/kpwkm